

Privacy Policy

MariBuy | Effective 09 Jun 2026 | Version 1 | Reviewed 09 Jun 2026

Maklumat yang dikumpul

Kami boleh mengumpul nama, nombor telefon, e-mel, alamat penghantaran, maklumat kedai, produk, transaksi platform, mesej sokongan, log peranti, alamat IP, cookies, analytics dan rekod keselamatan.

Tujuan penggunaan

Data digunakan untuk pendaftaran, TAC atau passkey, operasi kedai, sokongan buyer dan seller, pembayaran, keselamatan, pencegahan penipuan, analytics, komunikasi servis dan penambahbaikan produk.

PDPA 2010

Pemprosesan data peribadi dibuat dengan mengambil kira prinsip Notis dan Pilihan, Pendedahan, Keselamatan, Penyimpanan, Integriti Data dan Akses di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Cookies, analytics dan pemasaran

Kami boleh menggunakan cookies dan analytics untuk memahami penggunaan platform. Mesej pemasaran hanya dihantar berdasarkan persetujuan atau asas yang dibenarkan, dan pengguna boleh menarik diri daripada komunikasi pemasaran.

Komunikasi buyer dan seller

Apabila buyer menghubungi seller atau membuat order intent, maklumat relevan seperti nama, nombor telefon, mesej dan butiran produk boleh dikongsi dengan seller untuk fulfilment dan komunikasi.

Pemproses pihak ketiga

Kami boleh menggunakan penyedia hosting, pembayaran, e-mel, SMS/TAC, WhatsApp, analytics, keselamatan dan sokongan pelanggan yang memproses data bagi pihak MariBuy tertakluk kepada kawalan munasabah.

Tempoh simpanan

Data disimpan selama diperlukan untuk tujuan operasi, audit, cukai, keselamatan, pertikaian, pematuhan undang-undang atau selagi akaun aktif, kemudian dipadam atau dianonimkan secara munasabah.

Akses dan pembedulan data

Pengguna boleh meminta akses, pembedulan atau pertanyaan berkaitan data peribadi melalui sokongan MariBuy. Kami mungkin perlu mengesahkan identiti sebelum memproses permintaan.

Bagaimana saya meminta akses data?

Hantar support ticket dengan maklumat akaun dan jenis data yang diminta. MariBuy akan membuat semakan identiti dan memberi respons mengikut keperluan undang-undang yang terpakai.